

PM: Tumpu khidmat kepada rakyat

Um - 14/4/2004, m/s: 2.

KOTA BHARU 13 April — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan wakil rakyat daripada UMNO supaya tidak terlu ghairah menyusun agenda untuk merebut jawatan dalam parti, sebaliknya menumpukan sepenuh perhatian berkhidmat kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata, apa yang penting pada waktu ini, wakil rakyat perlu mengutamakan khidmat mereka di kawasan yang diwakili dan tidak mengambil masa atau menangguhkan kerja semata-mata bagi memberi tumpuan kepada usaha merebut kedudukan dalam parti.

“Walaupun pada tahun ini UMNO akan mengadakan pemilihan di semua peringkat, tetapi ini tidak bermakna tumpuan harus diberikan kepada soal merebut jawatan, sebaliknya mereka harus memahami bahawa rakyat memilih kita kerana mereka mengharapkan kita memberi khidmat kepada mereka, oleh itu kita tidak boleh menangguhkan kerja.”

“Kita jangan ghairah sangat dengan soal pemilihan dalam parti ini, apabila kita sudah ditetapkan

tarikh (bila pemilihan akan diadakan) ia soal lain tetapi pada masa ini tumpuan harus kepada soal memberi khidmat kepada rakyat,” katanya.

Beliau yang juga Pemangku Presiden UMNO berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin UMNO Kelantan, di sini hari ini.

Abdullah menegaskan, yang penting pada masa ini ialah menjalankan tugas dan mengutamakan khidmat kepada rakyat dan wakil rakyat perlu bekerjasama serta bermuafakat sesama mereka dan bukannya bercakaran.

“Jangan sesekali mengamalkan sikap bahawa oleh kerana pilihan raya umum akan datang masih lambat, maka kita tidak buat kerja tetapi apabila sudah dekat pilihan raya baru hendak membuat kerja,” katanya.

Menurut Abdullah, semua wakil rakyat perlu memahami bahawa tempoh lima tahun bagi membolehkan sekali lagi pilihan raya diadakan bukan satu jangka waktu yang panjang.

“Oleh itu wakil rakyat BN perlu melakukan

perubahan-perubahan seperti mana yang dikehendaki dan diharapkan oleh rakyat apabila mereka menyokong kita, wakil rakyat harus bersedia untuk menunaikan janji supaya rakyat boleh menilai,” katanya.

Abdullah berkata, wakil rakyat BN adalah wakil rakyat kepada semua kaum, oleh itu apa juga program yang dijalankan haruslah melibatkan parti-parti komponen tersebut.

“Kita tidak mahu buat program hanya sekadar apabila hendak menghadapi pilihan, setelah pilihan raya kita tidak buat apa-apa, sebaliknya mereka perlu lebih kerap mengadakan perjumpaan dengan rakyat,” katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, dalam usaha untuk memastikan wakil rakyat dapat menjalankan tugas dengan berkesan di sesuatu kawasan, sokongan daripada semua jentera dalam parti adalah penting.

“Ini adalah untuk memastikan program yang dirangkaikan dapat dilaksanakan secara berkesan, apa yang ingin saya dengar apabila melawat sesuatu negeri ialah kemajuan yang dicapai oleh

wakil rakyat kita dan bukannya percakaran sesama sendiri,” tegasnya.

Mengenai Kelantan, beliau yang menyifatkan suasana di Kelantan sekarang ibarat antara senyum dan tangis.

Abdullah berkata, Kerajaan Pusat tetap akan melaksanakan program-program yang bertujuan untuk meningkat taraf hidup rakyat tetapi yang tidak terlibat dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

“Antara program itu termasuklah membasmi kemiskinan yang kini menjadi agenda utama kita. Ini dapat dilakukan melalui agensi kerajaan persekutuan yang sedia ada di setiap negeri termasuk Kelantan yang diperintah oleh pembangkang,” katanya.

Abdullah berkata, dalam perjumpaan dengan semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan sebelum majlis itu, beliau telah meminta mereka untuk bekerja bersungguh-sungguh walaupun Kelantan berada di bawah pemerintahan Pas.

“Kerajaan Pusat tetap mempunyai tanggungjawab di Kelantan, oleh itu kita berharap agensi kerajaan mendapat kerjasa-



ABDULLAH Ahmad Badawi menerima cenderahati daripada Mustapa Mohamed sambil diperhatikan oleh Awang Adek Hussin pada majlis perjumpaan khas Perdana Menteri bersama Pemimpin UMNO Kelantan di Kota Bharu, semalam.

ma daripada wakil rakyat BN untuk melaksanakan program,” katanya.

Ditanya tidakkah tindakan untuk turut membantu kawasan yang diwakili oleh pembangkang

akan menyebabkan parti berkenaan mengamalkan sikap lepas tangan, Abdullah menegaskan:

“Ia terserah kepada mereka kerana ada sesetengah perkhidmatan yang

akan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan akan dilakukan secara menyeluruh melibatkan semua kawasan.

“Kalau nak lepas tangan itu soal mereka, rak-

yat tahu apa yang kita laksanakan, tetapi mereka tidak boleh mengharapkan kita akan bekerja sebagai wakil rakyat untuk ganti mereka kerana mereka dipilih sebagai wakil rakyat.”